



**MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON  
KM 1 JALAN PANTAI, 71009 PORT DICKSON  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

**KENYATAAN TAWARAN**

Dimaklumkan Majlis Perbandaran Port Dickson ingin menawarkan kontrak Pengurusan Kawasan Wellness Walk Pantai 1 Teluk Kemang seperti butiran berikut :-

1.	Tajuk	Cadangan Kontrak Pengurusan Wellness Walk Wellness Walk Pantai 1 Teluk Kemang, Majlis Perbandaran Port Dickson.
	Gambar	
2.	Syarat-Syarat	Sila Rujuk <b><u>Lampiran A</u></b>
3.	Kandungan Cadangan Pengurusan Kawasan	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Menyediakan cadangan pengurusan dengan format tersendiri berdasarkan syarat-syarat yang dinyatakan di Lampiran A.</li> <li>2. Menitikberatkan penjagaan pembersihan dan langkah penyelenggaraan serta lain-lain konsep yang bersesuaian.</li> <li>3. Menyatakan pulangan dan faedah yang ditawarkan kepada pihak MPPD.</li> <li>4. Menyatakan pengalaman di dalam bidang yang berkaitan.</li> <li>5. Menyatakan rekod kemampuan tenaga kerja dan kewangan.</li> </ol>
4.	Tarikh Tutup Penyertaan	<b>DILANJUTKAN SEHINGGA 15 JULAI 2019 SEBELUM JAM 5.00 PETANG</b>
5.	Penghantaran Dokumen Cadangan	Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta Majlis Perbandaran Port Dickson Tingkat 2, Bangunan Terminal Bas Port Dickson 71000 Port Dickson Negeri Sembilan Darul Khusus

**Sebarang pertanyaan boleh menghubungi Pn. Norazian Razali, Jabatan Penilaian Pengurusan Harta, MPPD di talian 06 – 646 2057 sambungan 226.**

**Tarikh Kenyataan Tawaran : 09 Julai 2019**

**SYARAT-SYARAT UTAMA**

1. Pemohon merupakan individu atau syarikat-syarikat bumiputera yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) meliputi perkara seperti pengurusan tempat letak kereta, pembersihan kawasan, penyelenggaraan bangunan, kerja-kerja lanskap dan lain-lain perkara yang berkaitan dengan tajuk serta masih sah untuk menyertai tawaran.
2. Menyediakan pelan perancangan pengurusan secara terperinci dan dinyatakan di dalam pelan tapak Wellness Walk merangkumi pengurusan tempat letak kereta, pembersihan kawasan, penyelenggaraan bangunan, kerja-kerja lanskap, pengurusan tandas awam dan lain-lain konsep/perkara yang berkaitan.
3. Memberi cadangan kepada pihak Majlis berkaitan pulangan/hasil bulanan yang diberikan kepada pihak MPPD.
4. Kawasan pengurusan Wellness Walk yang diuruskan oleh pihak yang dilantik adalah dari pintu gerbang sehingga ke tandas awam iaitu merujuk kepada kawasan berpagar.
5. Surau di luar kawasan berpagar akan diurus dan diselenggara oleh pihak yang dilantik sebagai sumbangan sosial.
6. Bangunan sedia ada tidak boleh diubahsuai tertakluk kepada kebenaran dari pihak MPPD.
7. Tidak dibenarkan mendirikan sebarang bentuk bangunan kekal.
8. Bagi kadar bayaran masuk atau sebagainya terpulang kepada pihak yang dilantik untuk menentukannya dan munasabah.
9. Sebarang jenis jualan yang dibenarkan hanyalah berbentuk produk berasaskan kesihatan sahaja.
10. Dibenarkan untuk membuat tapak semaian pokok-pokok herba bagi tujuan jualan atau sebagainya.
11. Dibenarkan untuk menjalankan aktiviti urutan kaki dan tradisional dan membina tempat urutan menggunakan ikan (FISH SPA) di tempat yang bersesuaian.
12. Dibenarkan untuk menjalankan aktiviti sukan dan rekreasi yang bersesuaian di tempat yang dibenarkan tanpa merosakkan lanskap sedia ada.
13. Pihak MPPD akan mengenakan caj bayaran lesen bagi tujuan pengurusan Wellness Walk.

## SYARAT-SYARAT AM

14. Pemohon adalah tertakluk kepada syarat-syarat am yang telah ditetapkan seperti berikut :-

### **Pengurusan Tempat Letak Kereta Wellness Walk ( 129 petak )**

#### 14.1 **Penetapan Kadar Caj Masuk**

- Kadar caj masuk kenderaan adalah tertakluk kepada cadangan pemohon dan kelulusan pihak MPPD.

#### 14.2 **Menyediakan Papan Kenyataan**

- Papan kenyataan hendaklah dipasang dilaluan masuk dan di bahagian dalam kawasan dengan jelas dan terang bagi mencatatkan perkara-perkara berikut:
  - a) Nama syarikat/ perniagaan tempat letak kereta berkenaan.
  - b) Tempoh sah lesen hendaklah dipamirkan.
- Waktu operasi tempat letak kereta hendaklah diletakkan bagi mengelakkan sebarang kekeliruan dan penipuan yang mungkin berlaku di dalam hal berkaitan caj bayaran tempat letak kereta.
- Nombor telefon atau hotline yang boleh dihubungi hendaklah diletakkan dengan jelas dan terang di atas papan tanda tersebut bagi tujuan untuk urusan khidmat pelanggan seperti aduan, pertanyaan dan sebagainya.
- Memasang papan tanda arah 'MASUK' dan 'KELUAR' dan lain-lain petunjuk arah pandu dengan jelas dan secukupnya. Papan tanda 'PENUH' hendaklah dipasang di laluan masuk sekiranya premis tempat letak kereta berkenaan telah pun penuh untuk makluman pengguna.

#### 14.3 **Keselamatan**

- Pemohon hendaklah menyediakan papan tanda makluman kepada pemilik kenderaan supaya menjaga keselamatan kenderaan dan barangan peribadi serta menyatakan risiko kehilangan atau kerosakan adalah di bawah tanggungjawab pemilik kenderaan sepenuhnya sepanjang tempoh berada di dalam kawasan Wellness Walk.

#### 14.4 **Kebersihan dan penyelenggaraan**

- Kerja-kerja pembersihan kawasan Wellness Walk dan kutipan sampah akan dilaksanakan oleh pihak SWM Port Dickson. Oleh itu, pemohon dikehendaki memberi kerjasama sepenuhnya dan mematuhi jadual pembersihan dan kutipan yang ditetapkan oleh pihak SWM Port Dickson.

- Pemohon juga hendaklah sentiasa memantau dan memastikan tahap kebersihan di kawasan Wellness Walk adalah baik.
- Pemohon juga perlu menjaga dan membuat pemantauan terhadap semua kemudahan di kawasan Wellness Walk seperti wakaf, dataran serta bangku istirehat termasuk tempat letak kereta yang disediakan agar sentiasa dalam keadaan baik untuk digunakan oleh pengguna sepanjang masa.
- Pemohon perlu bertanggungjawab sepenuhnya terhadap sebarang kerosakan atau kehilangan terhadap kemudahan awam tersebut sekiranya pemeriksaan pihak Majlis mendapati kerosakan/kehilangan berlaku akibat kecuaiannya pemohon melaksanakan pemantauan.
- Pemohon perlu melaporkan segera sebarang kerosakan kemudahan awam di Wellness Walk dalam tempoh 24 jam akibat kejadian bencana alam.

#### 14.5 **Kuasa Untuk Masuk**

- Mana-mana pegawai MPPD yang diberi kuasa boleh pada bila-bila masa memasuki kawasan Wellness Walk bagi tujuan pemantauan dan pemeriksaan.

#### 14.6 **Syarat-Syarat Lain**

- Semua pekerja hendaklah dibekalkan dan memakai pakaian seragam yang kemas dan bersih ketika bekerja.
- Sebarang pengambilan pekerja warga asing hanya dibenarkan bagi mereka yang memiliki dokumen sah yang membenarkan mereka bekerja di Malaysia oleh agensi kerajaan berkaitan.
- Menggunakan petak letak kereta sedia ada sahaja dan tidak dibenarkan menggunakan mana-mana bahagian pejalan kaki/ siar kaki/ kawasan awam untuk menambah lot-lot letak kereta kecuali mendapat kelulusan daripada pihak Majlis.
- Lain-lain syarat yang ditetapkan dari semasa ke semasa

### **Pengurusan Tandas Awam Wellness Walk**

#### 14.7 **Pembersihan**

- Membersih, mencuci dan meyelenggara tandas mengikut semua spesifikasi kebersihan dan spesifikasi penyelenggaraan dan mencapai kualiti kerja yang ditetapkan MPPD.
- Menjalankan kerja pembersihan dan pencucian dengan menggunakan alat pancutan air dan lain-lain peralatan moden yang serba lengkap dan berkesan.

- Semua kerja pencucian hendaklah dijalankan dengan penggunaan bahan-bahan pencucian kimia yang berkesan, sesuai dan mengharumkan bau tandas.
- Menyediakan jadual pembersihan dan cucian tandas.
- Menyediakan keperluan yang perlu dan keperluan tambahan seperti berikut:-
  - a) Sabun dan bekas sabun cecair
  - b) Tisu dan bekas tisu
  - c) Tong sampah & sanitari
  - d) Pewangi
  - e) Penyangkut pakaian & barangan
  - f) Hiasan
  - g) Hos getah / hand spray pada setiap kubikel tandas
- Membersihkan dan Menyenggara kawasan landskap disekeliling bangunan tandas.
- Menyediakan tempat untuk menyimpan alatan serta bahan cucian ditempat yang disediakan atau sesuai.
- Pemberian ganjaran bagi tandas yang mendapat penilaian 4 bintang ke atas dilaksanakan sebagai penghargaan kepada operator yang telah menunjukkan prestasi yang baik dan juga sebagai pemangkin serta galakan untuk mengekalkan prestasi yang baik secara berterusan. Bagi setiap tandas yang mendapat 4 bintang ke atas pemberian ganjaran berupa RM 50.00 akan dikreditkan dalam akaun sewaan tandas.
- Tandas yang mendapat penilaian 3 bintang ke bawah akan dikenakan denda berikutan kegagalan pihak operator untuk meningkatkan prestasi serta tidak melakukan perubahan seperti mana yang diharapkan oleh pihak Majlis sehingga menimbulkan rungutan dan aduan dari orang ramai. Setiap tandas yang mendapat 3 bintang ke bawah didenda RM 50.00 dan akan didebitkan dalam akaun tandas.
- Mematuhi lain-lain syarat yang akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

#### 14.8 Pengurusan

- Tidak dibenarkan untuk disewa atau dipajakkan kepada pihak ketiga.
- Mengambil insuran tanggungan awam.
- Mematuhi sebarang peraturan dan garis panduan yang telah ditetapkan atau mempunyai sebarang tambahan dan pindaan syarat kontrak.
- Menyediakan papan tanda makluman yang lengkap mengenai operator serta papan-papan tanda petunjuk arah, simbol dan poster yang berkaitan.
- Menugaskan pekerja secara tetap dan mengemukakan senarai nama pekerja serta membekalkan pakaian seragam serta tanda nama.
- Menambah bilangan pekerja supaya kekerapan kerja-kerja pembersihan tandas yang dilakukan dalam sehari dapat ditingkatkan.
- Semua pekerja dilindungi PERKESO.
- Mempunyai pejabat urusan untuk dihubungi oleh MPPD.
- Menyediakan dan menghantar laporan ringkas mengenai penyenggaraan dan pembaikan tandas yang telah dilakukan kepada pihak Jabatan Kesihatan Awam, MPPD pada setiap bulan tanpa gagal.
- MPPD berhak membatalkan dan menamatkan perkhidmatan semasa tempoh percubaan atau kontrak sekiranya gagal melaksanakan pengurusan, pembersihan dan penyenggaraan dengan sempurna sehingga memuaskan hati MPPD.
- Membayar sepenuhnya bil penggunaan air dan elektrik tandas. Sekiranya bil tersebut dibayar oleh MPPD, MPPD berhak menuntut balik amaun yang telah dibayar melalui tuntutan kepada kontraktor.
- Menyediakan kotak untuk kad mencatat masa kerja pembersihan dan kotak untuk kad mencatat butir-butir pemeriksaan oleh penyelia MPPD.
- Dilarang meletak meja, kerusi dan apa-apa barang dalam tandas.
- Dilarang meletak baldi, peralatan dan bahan pencuci di dalam tandas atau di luar tandas secara bersepah-sepah.

- Dilarang menggantung kain buruk atau kayu mop di atas pintu.
- Memasang papan tanda maklum operator, waktu operasi serta waktu pembersihan di tandas-tandas tersebut.
- Pihak operator boleh mengenakan bayaran kutipan di tandas-tandas tersebut berpandukan kepada kadar yang ditetapkan seperti berikut:-

Bil	Kategori Tandas	Perkhidmatan	Kadar yang dibenarkan (maksima)
1.	Kategori "A"	Mandi	RM 1.00
		Tandas	RM 0.50
2.	Kategori "B"	Mandi	RM 0.50
		Tandas	RM 0.30

- Pengelasan tandas di bawah Kategori "A" mengambil kira aspek-aspek berikut:-
  - ✓ Kebersihan yang sangat memuaskan
  - ✓ Keceriaan kawasan yang menarik
  - ✓ Mempunyai kawasan landskap dan dijaga dengan baik
  - ✓ Mempunyai pewangi tandas, tisu, sabun, alat pengering tangan, alat pengering lantai, hiasan dalaman, penyangkut pakaian di setiap kubikel
  - ✓ Mesti ada penjaga tandas setiap masa operasi
- Pengelasan tandas di bawah Kategori "B" dilihat dari sudut penjagaan kebersihan yang memuaskan.
- **Pihak operator tidak layak mengenakan kadar bayaran mengikut Kategori "A" sekiranya tidak memenuhi aspek-aspek yang dinyatakan di atas.**
- Mematuhi lain-lain syarat yang akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

#### 14.9 Penyelenggaraan

- Kos penyedutan tangki najis adalah tanggungjawab operator dan pihak Majlis berhak mengarahkan kontraktor menyedut dan membersihkan enapcemar di mana-mana tangki tandas yang dipertanggungjawabkan.
- Selenggaraan yang ditanggung oleh pihak Majlis adalah seperti berikut:-
  - a) Kerosakan pada struktur utama bangunan.
  - b) Saluran air yang pecah di dalam dinding atau bawah tanah.
  - c) Kerosakan pada keseluruhan sistem kumbahan / septik.
- Mematuhi lain-lain syarat yang akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

#### 14.10 **Pembaikan Kerosakan**

- Sebarang kerosakan bagi setiap alatan adalah dibawah tanggungjawab operator. Ini termasuk yang telah siap dibina (build in) serta selenggaraan seperti dibawah, pihak operator hendaklah membaiki atau menggantikannya dengan segera supaya boleh digunakan setiap masa.
  - ✓ Set mangkuk tandas, meja Sinki & sinki, sistem bekalan dan tangki air, saluran air kumbahan atau tangki septik tersumbat, kipas Ekzoz, semua alatan elektrik, set mana-mana pintu, sistem urinal dan jirusan tandas (flushing sistem), penutup tangki septik dan lain-lain yang berkaitan.
- Kerosakan yang memerlukan kos RM 500.00 ke bawah bagi setiap kerosakkan adalah di bawah tanggungan pihak operator, manakala kerosakkan yang memerlukan kos RM 500.00 ke atas adalah tanggungan pihak Majlis.
- Sekiranya pihak operator gagal melakukan pembaikan dalam tempoh 24 jam setelah kerosakkan dikenalpasti, maka pihak Majlis boleh melakukan kerja-kerja pembaikan tersebut dan pihak operator akan dicaj dua kali ganda kos kerja tersebut atau dikenakan denda.
- Mematuhi lain-lain syarat yang akan dimaklumkan dari semasa ke semasa

14.11 Sebagai tambahan, pemohon diminta untuk membuat sumbangan sosial iaitu membuat pembersihan Surau berhampiran pintu masuk utama di luar kawasan Wellness Walk.